



Headline: Warga emas rugi RM697,000 diperdaya Macau Scam
Publication/Portal: Daily Express (Sabah)
Date: 27 December 2021

Language: Malay
Section: Harian Ekspres
Page: 4

Warga emas rugi RM697,000 diperdaya Macau Scam

JOHOR BAHRU: Seorang warga emas di Kluang kerugian RM697,000 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang mendakwa dirinya telah mendaftarkan sebuah syarikat yang mempunyai tunggakan bayaran cukai, minggu lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Johor ACP Amran Md Jusin berkata mangsa, jurujual kereta wanita berusia 74 tahun itu menerima panggilan telefon dari Pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 16 Disember lalu yang mendakwa syarikat tersebut mempunyai tunggakan bayaran cukai berjumlah RM55,800 sebelum disambungkan ke Bukit Aman.

“Mangsa kemudian telah bercakap dengan Pengarah Bukit Aman ‘Datuk Suhaimi’ dan Pengarah tersebut telah menghantar satu pautan (link) ke telefon bimbit mangsa serta mengarahkan mangsa untuk menekan pautan yang diberikan dengan mengisi segala maklumat peribadi serta perbankan milik mangsa,” katanya. – Bernama